




Trading your Life

Time is Money?
 To create Money,
 it takes time.
But time is Life.



Extravagance takes away your life,
 Frugality gives you life.



SM Mohamed menerangkan hasil kajian NHMS 2015 pada sidang media di pejabat CAP di Georgetown, semalam.

Masalah hutang punca masalah mental

BH
 21/12/2016
 mls-8

➔ Rakyat kita alami gejala antara tertinggi di Asia: Kajian NHMS 2015

Oleh Norhaslinda Abd Wahid
 bhnews@bh.com.my

► Georgetown

Masalah hutang dan kewangan, antara punca satu daripada tiga rakyat negara ini mengalami masalah mental antara tertinggi di Asia, hasil kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015, Kementerian Kesihatan.

Kajian Manulife Investor Sentiment Index (MISI) pula menunjukkan rakyat Malaysia menang-

gung hutang tertinggi di Asia, iaitu 68 peratus.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris, berkata dalam purata global, satu daripada empat orang mengalami gangguan mental pada satu masa dalam kehidupan mereka.

Kenal pasti faktor masalah

“Ini menunjukkan masalah mental dalam kalangan rakyat Malaysia lebih besar berbanding jumlah keseluruhan purata global.

“Beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah ini sudah dikenal pasti. Antara punca utama

adalah masalah kewangan dan bebanan hutang,” katanya pada sidang media di pejabat CAP di sini, semalam.

Kajian NHMS 2015 itu juga menganggarkan 4.2 juta atau 29.2 peratus rakyat negara ini berhadapan dengan masalah mental.

Malah, kajian berkenaan turut melaporkan kebanyakan pesakit mental daripada golongan berpendapatan rendah, selain peningkatan mendadak bagi pesakit mental yang berumur antara 16 hingga 19 tahun.

Katanya, MISI pula mendedahkan tahap amalan berhutang da-

lam kalangan rakyat Malaysia yang semakin membimbangkan sehingga membawa kepada masalah mental.

Haramkan biskut nitrogen

Sementara itu, CAP meminta kerajaan mengharamkan penjualan biskut menggunakan cecair nitrogen, yang mampu menyebabkan kecederaan kepada pembeli.

Katanya, penggunaan cecair nitrogen itu menyebabkan kecederaan pada tangan dan tekak seorang remaja lelaki selepas memakan biskut ‘Dragon Breath’, baru-baru ini.